

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN
HJ. NASARAH [LENGGONG]**

NO. SOALAN : 96

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan peratusan liputan bekalan
elektrik luar bandar di seluruh negara yang telah
disambungkan pada ketika ini serta apakah kaedah
sambungan yang telah diguna pakai oleh
Kementerian bagi perkara tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penyambungan bekalan elektrik di seluruh negara dibuat secara berperingkat-peringkat mengikut keupayaan talian milik Pihak Berkuasa Elektrik Negeri. Pada ketika ini, peratusan liputan bekalan elektrik luar bandar di Semenanjung Malaysia adalah 99%, manakala Sabah dan Sarawak adalah 96%. Peratus liputan adalah berdasarkan data banci tahun 2010. Kaedah sambungan yang diguna pakai oleh Kementerian bagi bekalan elektrik luar bandar adalah penyambungan Talian Grid dan sistem alternatif iaitu Solar Hibrid dan juga Mikro Hidro, bergantung kepada kesesuaian dan keperluan lokasi penyambungan bekalan tersebut.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN
HJ. NASARAH [LENGGONG]
SOALAN : 97

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah projek yang telah diusahakan di bawah Skim 'TechnoFund' sejak ia mula diperkenalkan; dan
- (b) daripada jumlah tersebut berapakah jumlah projek yang telah dikomersialkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa menyokong usaha-usaha untuk meningkatkan keupayaan dan pencapaian R,D&C negara melalui penyediaan kemudahan dana dalam bentuk geran. Salah satu geran yang dikendalikan oleh MOSTI ialah TechnoFund iaitu skim yang ditawarkan di bawah Dana Pra-Pengkomersialan. TechnoFund merupakan geran yang diberikan kepada syarikat tempatan untuk meningkatkan tahap penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pengkomersialan.

Ia menyediakan pembiayaan pembangunan teknologi sehingga ke peringkat pra-pengkomersialan bagi produk yang berpotensi untuk dikomersialkan.

Sebanyak **462 projek** telah diluluskan sejak TechnoFund diperkenalkan pada tahun 2006 dengan pecahan berikut, iaitu sebanyak 286 projek TechnoFund dengan peruntukan sebanyak RM891.06 juta telah diluluskan di bawah RMKe-9, sebanyak 160 projek dengan jumlah RM298.69 juta diluluskan di bawah RMKe-10 dan sebanyak 16 projek berjumlah RM30.17 juta diluluskan di bawah RMKe-11 (bagi tahun 2016).

Oleh kerana projek Technofund adalah bersifat pra-pengkomersialan, daripada 462 projek TechnoFund yang telah diluluskan, sebanyak 24 produk telah berjaya dikomersialkan dan 79 prototaip telah dihasilkan. Sebahagian projek masih lagi berjalan dan sebahagian lagi memerlukan peningkatan sebelum boleh dikomersialkan.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN
DARIPADA HJ. NASARAH [LENGGONG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Shamsul Anuar Bin Hj. Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah strategi dan perancangan Kementerian dalam memperbaiki keputusan UPSR 2016 pada masa akan datang serta sejauh mana program tuisyen selepas sesi persekolahan diteruskan dengan menambah bilangan sekolah untuk melaksanakannya.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Hasrat transformasi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) adalah untuk memastikan perkembangan murid secara menyeluruh, seimbang dan sepadu. Oleh itu kemenjadian calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) ini perlu dilihat secara bersepadu dengan keputusan UPSR 2016 ini bersama-sama pelaporan Pentaksiran Sekolah (PS), Pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dan Pentaksiran Psikometrik yang dikeluarkan oleh pihak sekolah. Justeru, prestasi UPSR 2016 tidak boleh dibandingkan dengan UPSR 2015 kerana ia berbeza dari segi formatnya.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan terus melaksanakan semua perancangan, strategi dan inisiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013- 2025 bagi meningkatkan pencapaian murid secara holistik. Pada masa yang sama, KPM mengalakkan kerjasama semua pihak dalam membantu murid seperti mengadakan kelas tuisyen di sekolah. Kelas tuisyen dilaksanakan berdasarkan inisiatif guru-guru, pihak sekolah, Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) dan Jabatan Pendidikan Negeri bagi membantu pihak sekolah meningkatkan prestasi dan penguasaan akademik murid. Sokongan padu daripada pihak PIBG dan komuniti telah banyak membantu dalam program-program kecemerlangan akademik sekolah.